

01/07/2014 - Majlis Perjumpaan dan Dialog Bersama Warga Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saudara/Saudari Pengacara Majlis;

Yang Berusaha En. L. Gandesan,
Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN);

Yang Berusaha En. Ho Khok Hua,
Timbalan Ketua Pengarah (Keharmonian Nasional), JPNIN; dan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga JPNIN yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama pada petang ini. Ini merupakan kunjungan pertama saya ke Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional (JPNIN), dan saya amat berbesar hati kerana saudara-saudari sekalian sudi bersama saya pada petang ini.
2. Program turun padang sebegini merupakan sebahagian daripada usaha di bawah konsep "**Merakyatkan Perkhidmatan Awam**". Ia bertujuan untuk mendekati penjawat awam di samping mewujudkan peluang untuk bermusyawarah, dan mendengar maklum balas atau cadangan-cadangan

daripada saudara-saudari semua berhubung perkhidmatan awam secara amnya, dan JPNIN secara khususnya.

3. Kita tidak boleh menyangkal bahawa JPNIN menggalas satu tanggungjawab yang besar, selaku agensi peneraju utama untuk memelihara, meningkat dan memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat di Malaysia. Sesungguhnya, Malaysia merupakan sebuah negara berbilang agama dan budaya, dan kita mempunyai sebuah perkhidmatan awam yang menggambarkan kepelbagaian kaum dan bangsa ini. Sebagai sebuah masyarakat majmuk, negara kita telah berjaya mewujudkan perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) yang inklusif, dengan memastikan kesaksamaan untuk semua.

KEPIMPINAN AKAR UMBI

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Menyedari betapa signifikannya peranan JPNIN dalam memupuk perpaduan nasional, saya ingin mengambil kesempatan pada petang ini untuk menyentuh sedikit tentang kepentingan kepimpinan di peringkat akar umbi. Saya pasti saudara-saudari sekalian bersetuju bahawa tanpa adanya nilai kepimpinan, masyarakat diibaratkan sebagai **sebuah kapal tanpa kemudi yang tidak tahu hala tujuan.**
5. Kepimpinan akar umbi yang efektif semestinya menjadi pegangan utama setiap penjawat awam khususnya, dan masyarakat sekeliling amnya. Pemimpin akar umbi inilah yang akan **mengetuai masyarakat** dalam mengharungi arus pembangunan dan pemodenan yang semakin rancak. Pemimpin akar umbi juga dikatakan sebagai **teras utama dalam pembangunan negara** kerana mereka bukan sahaja golongan berpengaruh dalam sesebuah kelompok masyarakat, yang akan membawa masyarakat untuk bergerak seiring ke arah pembangunan, malah juga merupakan pengantara yang paling penting dalam menyempurnakan agenda pembangunan Negara.

6. Di sini, saya melihat **pegawai dan kakitangan JPNIN** sebagai **barisan hadapan yang akan mengembleng idea dan kerjasama semua pihak** di dalam **memastikan perpaduan dan keharmonian masyarakat terus terpelihara**. Dalam usaha memacu negara menjadi sebuah negara maju menjelang 2020, warga JPNIN bersama-sama penjawat awam yang lain, turut memikul amanah sebagai pelaksana dasar, dan menjadi komponen penting demi merealisasikan visi sebuah negara maju, berpendapatan tinggi dan rakyatnya bersatu padu terlaksana.

BUDAYA INOVASI DAN KREATIVITI

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Seperti yang kita semua sedar, **kehendak dan ekspektasi pelanggan hari ini semakin meningkat**. Ini bermakna bahawa penjawat awam hendaklah lebih responsif dan menyediakan perkhidmatan yang menjurus kepada keperluan yang disesuaikan kepada pelanggan atau *customised*. Lantas, **penekanan kepada aspek inovasi dan kreativiti**, terutama di peringkat nasional amat penting kerana ia menggalak dan meningkatkan daya saing negara.
8. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak telah memperkenalkan **tiga prinsip untuk menjadi pekerja yang berinovasi** semasa Majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2014 Peringkat Kebangsaan pada 21 Jun 2014 baru-baru ini, iaitu:
- i. **Budaya kreativiti dan inovasi**, untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan yang bersifat lonjakan berganda;
 - ii. **Nilai tambah dan kompetensi**, yang mana amalan kerja biasa digantikan dengan amalan kerja yang luar biasa; dan
 - iii. **Permuafakatan Kerja**, iaitu tidak bekerja secara silo.

9. Saya berharap kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tersebut dapat dipraktikkan oleh seluruh warga JPNIN dalam melaksanakan tugas harian. Dalam pada itu, saya juga menyeru kepada warga JPNIN agar menjadikan **strategi Lautan Biru Kebangsaan** (NBOS) sebagai satu pendekatan kreatif dan inovatif dalam menyediakan program-program perpaduan dan integrasi di bawah JPNIN.
10. Strategi NBOS adalah berlandaskan kepada tiga prinsip, iaitu **Kos Rendah, Berimpak Tinggi dan Pelaksanaan Pantas** (*Low Cost, High Impact, Rapid Execution*). Sebanyak lebih kurang 70 inisiatif di bawah NBOS melibatkan lebih daripada 80 agensi Kerajaan telah menampakkan pelbagai kejayaan sejak ia diperkenalkan. Dengan itu, saya amat mengalu-alukan penggunaan strategi NBOS di JPNIN dalam memperkenalkan program-program yang membawa kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat, dan pada masa yang sama, menjadikan JPNIN sebuah organisasi yang lebih cekap, pro-aktif dan efisien.

TADBIR URUS YANG BAIK

Para hadirin yang dihormati sekalian,

11. Di samping membudayakan inovasi dan kreativiti bagi menghadapi ekspektasi rakyat yang semakin meningkat, Kerajaan sentiasa mengambil inisiatif untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui tadbir urus yang baik. Amalan tadbir urus yang baik akan memudahkan agenda pembangunan nasional dicapai serta menjadikan Malaysia sebuah negara berdaya saing di arena global, dengan wujudnya sikap telus, integriti dan akauntabiliti di kalangan penjawat awam.
12. Ke arah ini, besar harapan saya agar JPNIN serta semua warganya mengamalkan tadbir urus yang baik, dengan memberi tumpuan terhadap dua aspek berikut:
 - i. **Prestasi**, di mana JPNIN **berfokuskan pencapaian secara cekap dan berkesan** seperti yang diharapkan oleh *stakeholders*, di samping memastikan

wujudnya **nilai untuk wang** (*value for money*), dan pengurangan pembaziran sumber atau dana; dan

- ii. **Pematuhan**, di mana JPNIN akan sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, piawaian yang diguna pakai dan harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran dan akauntabiliti.

KETERANGKUMAN

Para hadirin yang dihormati sekalian,

13. Sebagai sebuah negara membangun, kita sememangnya mempunyai hasrat agar ekonomi negara kita berdaya saing dan kukuh dengan ciri-ciri keterangkuman (inclusiveness) dan kebolehpercayaan (sustainability). Sememangnya, keadaan ekonomi kita semakin kukuh apabila **Keluaran Dalam Negara Kasar** (KDNK) bagi suku tahun pertama 2014 telah mencapai **6.2 peratus**, iaitu pertumbuhan paling tinggi dalam tempoh lima suku. Sebagai perbandingan, Filipina mencatat KDNK 5.7 peratus, Indonesia 5.2 peratus, Thailand -0.6 peratus, malah Singapura cuma mencatat KDNK suku tahun pertama sebanyak 5.1 peratus. Pertumbuhan KDNK Malaysia sebanyak 6.2 peratus itu merupakan hasil titik peluh penjawat awam, dan menandakan **permulaan baik untuk mencapai sasaran pertumbuhan 5.5 peratus** bagi keseluruhan tahun ini.
14. Walau bagaimanapun, dengan pertumbuhan ekonomi negara yang begitu memberangsangkan, kita tidak boleh menafikan bahawa masih terdapat rakyat Malaysia yang memerlukan lebih perhatian dan bantuan disebabkan oleh pendapatan yang rendah dan keadaan yang tidak memihak kepada mereka. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab penjawat awam untuk menjalankan tugas dengan penuh amanah dan berintegriti agar nasib semua lapisan masyarakat akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan terpinggir.
15. Dengan itu, saya menyeru warga JPNIN untuk meneruskan agenda pembangunan negara dan bersama memajukan pemikiran rakyat pelbagai kaum dengan **membentuk sikap penerimaan yang lebih inklusif**, dan

seterusnya membawa perpaduan yang utuh; kerana sesungguhnya, **perpaduan itu merupakan tonggak kepada kemajuan dan pembangunan negara kita.**

PENUTUP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

16. Kerajaan telah mensasarkan 2014 sebagai tahun bagi **melonjakkan prestasi kecemerlangan perkhidmatan awam** melalui **transformasi**, dengan mengatur strategi serta menyusun semula rangka kerja dalam usaha memperbaiki, mengemaskini dan mempertingkatkan sistem penyampaiannya. Tahun 2014 juga turut dilihat sebagai pencetus inspirasi kepada Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Bagi mencapai maksud tersebut, saya berharap warga kerja **JPNIN akan mengatur strategi dan mengurus gerak kerja pentadbiran** dengan baik, agar segala perancangan dapat dilaksanakan dengan cepat, lancar dan terurus.
17. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada semua warga JPNIN kerana sudi bersama-sama saya pada petang ini. Saya berharap saudara-saudari warga JPNIN kesemuanya dapat bekerja dengan lebih gigih, berdedikasi dan penuh integriti demi menjaga perpaduan, keharmonian dan kemajuan negara kita yang tercinta ini.

“Bersatu kita maju!” (*Motto JPNIN*)

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh